

BR1M masih relevan

SN 23/9

SHAH ALAM - Skim Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) yang diperkenalkan pada 2012 masih relevan dan tiada keperluan dihapus atau digantikan dalam bentuk lain.

Pakar ekonomi, Prof Datuk Dr Amir Hussin Baharuddin, dari Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan, Universiti Utara Malaysia berkata, walaupun terdapat beberapa kelemahan, ia masih mampu membantu golongan memerlukan.

“BR1M harus diteruskan se-

hingga kerajaan mendapat formula baharu untuk membantu golongan berpendapatan rendah.

“Bagaimanapun, bantuan itu boleh ditambah baik, mungkin menaikkan jumlahnya selaras dengan jumlah pendapatan minimum sebagai usaha mengurangkan beban rakyat,” katanya mengulas cadangan rakyat di *bajet2017.najibrazak.com*.

Laman itu perkongsian rakyat menyampaikan apa yang mereka mahu melalui Bajet 2017.